

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## **TINDAKAN TEGAS TERHADAP PENJUALAN PELITUP MUKA TIRUAN SECARA TRANSAKSI ATAS TALIAN**

**PUTRAJAYA, 3 Julai 2020** - Seorang lelaki warganegara Malaysia didenda Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Lima Ratus (RM10,500.00) atau jika gagal bayar empat bulan penjara di Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas mengaku bersalah menjual 35 kotak pelitup muka tiruan melalui transaksi dalam talian di laman sosial Facebook.

Lelaki berkenaan telah ditangkap dan didakwa kerana memiliki 35 kotak pelitup muka berjenama Cross Protection bagi tujuan perdagangan dengan perihal cap dagangan yang didaftarkan dengan salah pada 29 Jun 2020 jam 12:30 tengahari di premis beralamat No 1-11, Jalan SP3/1, Taman Saujana Puchong, 47100, Puchong Selangor. Nilai rampasan barang kes adalah dianggarkan sebanyak RM 1,575.00. Laporan verifikasi mengesahkan pelitup muka yang dirampas adalah bukan keluaran pemilik berdaftar Cap Dagangan berkenaan.

Kesalahan adalah di bawah Seksyen 102(1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan bagi maksud perdagangan barang-barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 102(1)(ii) akta yang sama.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azmil Bin Aspara dalam hujahnya memohon mahkamah mengambil kira kepentingan awam demi menjaga hak pengguna di negara ini dan mengenakan hukuman yang setimpal.

Pengarah, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, YBhg. Dato' Iskandar Halim Bin Haji Sulaiman menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi hak pengguna dan juga hak harta intelek industri. Peniaga yang didapati melakukan kesalahan boleh ditangkap dan terus didakwa di mahkamah.

#####

**Dato' Iskandar Halim Bin Hj. Sulaiman**

Pengarah Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna  
(KPDNHEP)

3 Julai 2020

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

